

APRIL 2024

NADI SUKARELWAN



**Diterbitkan oleh:**

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan,
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1, Seremban 3,
70300 Seremban, Negeri Sembilan,
Malaysia Phone: 606-6342000, Faks: 606-6335813

Tiada sebarang bahagian daripada penulisan ini boleh diubah, disalin, diedarkan semula, disiarkan, dipaparkan, diterbitkan, dilisensikan, dipindahkan, dan dijual dalam apa jua bentuk tanpa mendapat kebenaran bertulis oleh ketua penyunting.

Penafian:

Sebarang maklumat dalam penulisan ini adalah pendapat peribadi dan pengetahuan oleh penulis artikel tersebut. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pendapat profesional sebelum mengikuti sebarang maklumat dalam penulisan ini. Pihak universiti, fakulti, penerbit dan barisan penyunting tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang risiko kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISBN : 978-629-99383-2-3

Tarikh Diterbitkan: 30 April 2024

SUKARELAWAN UNIT KESIHATAN NADI SUKAN KARISMA

Pengurusan KARISMA 2024 edisi kali ini melihat Negeri Sembilan sebagai penganjur utama telah membuka ruang kerjasama setiap unit dan jabatan dalam kampus UiTM negeri Sembilan secara holistik. Unit Kesihatan tidak tersisih memberi sumbangan sukarelawan dalam menjayakan penganjuran KARISMA edisi Negeri Sembilan. Kebanjiran atlet dari empat belas negeri membuatkan elemen Kesihatan dan keselamatan harus dititikberatkan ketika acara sukan KARISMA berlangsung.

Penglibatan sukarelawan Unit Kesihatan menjadi nadi dalam acara sukan KARISMA dalam menjamin atlet, kakitangan mahu pun para pengunjung yang hadir berada dalam keadaan selamat dan sihat.

Unit Kesihatan merupakan jawatankuasa perubatan dan kecemasan KARISMA 2024, yang diketuai oleh Dr. Ain Zulaikha Abdul rahim selaku ketua jawatankuasa perubatan dan keselamatan dan dibantu oleh Dr. Nur Shahirah Jamaluddin selaku timbalan jawatankuasa. Jawatankuasa ini diberi tanggungjawab memastikan pengurusan kesihatan, keselamatan dan siap siaga perubatan berjalan lancar sepanjang KARISMA. Jawatankuasa ini turut terdiri dari 18 orang unit kesihatan uitm cawangan Negeri Sembilan. Jawatankuasa dibahagikan kepada 2 perkampungan utama iaitu perkampungan Seremban bertempat di Unit Kesihatan Seremban dan perkampungan Rembau bertempat di Unit Kesihatan Rembau. Bagi tujuan menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan khususnya pelajar dan atlet unit kesihatan memanjangkan waktu operasi klinik sehingga ke waktu malam dan hujung minggu.

Unit kesihatan juga mengetuai jawatankuasa dan memimpin barisan sukarelawan perubatan yang terdiri dari 30 orang mahasiswa UiTM. Sukarelawan yang terpilih ini membantu paramedik bertugas di lapangan bagi siap siaga perubatan. Meninjau pula kepada tugas klinik adalah seperti rutin harian menerima pesakit bagi kes ringan, kecederaan sukan dan kes kecemasan. Pada masa yang sama Unit Kesihatan bersiap siaga (medical cover standby) di venue sukan yang bertempat di pelbagai lokasi dan 11 acara sukan sepanjang KARISMA. Bagi memastikan kelancaran tugas jawatankuasa ini, Unit Kesihatan mendapat bantuan petugas paramedik yang terdiri daripada penolong pegawai perubatan, jururawat dan pemandu ambulan dari kampus cawangan yang turut membantu siap siaga di lapangan sewaktu KARISMA berlangsung. Bantuan ini amat dihargai kerana mereka merentas negeri, meninggalkan rakan sepasukan di kampus cawangan masing-masing dan meninggalkan keluarga bagi membantu rakan seperjuangan.

Malah terdapat juga di kalangan mereka yang sanggup bekerja lebih masa tanpa ganjaran. Meninjau kepada perasaan paramedik dan sukarelawan Unit Kesihatan mereka meluahkan rasa kerisauan sepanjang sukan KARISMA berlangsung manakala selepas tamatnya acara sukan KARISMA mereka meluahkan rasa bersyukur dan bangga kerana semua tugas dapat dilaksanakan dengan baik serta segala masalah dapat diatasi dengan baik. Unit Kesihatan berasa bertuah kerana turut dapat bersama - sama membantu universiti dalam menjayakan suka KARISMA dalam edisi kali ini.



Pasukan sukarelawan unit kesihatan yang berjiwa besar